



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2008/2009**

NAMA MATA PELAJARAN : KAJIAN TINDAKAN DALAM
PENDIDIKAN

KOD MATA PELAJARAN : DBK 1053

KURSUS : DIPLOMA PENDIDIKAN
(GSTT POLITEKNIK / KOLEJ
KOMUNITI)

TARIKH PEPERIKSAAN : FEBRUARI 2009

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB LIMA DARI TUJUH
SOALAN YANG DIBERI

JANGAN BUKA SOALAN
SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA MUKA SURAT

- S1 a) Apakah yang dimaksudkan dengan Kajian Tindakan? (2 markah)
- b) Berikan enam perbezaan di antara Kajian Tindakan dan Kajian Dalam Pendidikan. (6 markah)
- c) Kajian Tindakan merupakan satu aktiviti yang sangat penting untuk dilaksanakan dalam sistem pendidikan terutamanya di sekolah. Bincangkan. (12 markah)
- S2 a) Dalam Kajian Tindakan siapakah yang dijadikan sebagai subjek kajian? (2 markah)
- b) Berdasarkan contoh kes yang berlaku di sekolah, terangkan rekabentuk Kajian Tindakan yang sesuai dipraktikkan mengikut pandangan anda sebagai ketua penyelidik. (18 markah)
- S3 a) Bina satu jadual perancangan Kajian Tindakan yang merangkumi empat elemen utama dan jelaskan setiap elemen yang dimaksudkan. (8 markah)
- b) Berdasarkan Kajian Tindakan yang anda sedang jalankan, apakah masalah yang dianggap sebagai etika penyelidik dan bagaimanakah kaedah yang paling berkesan untuk menangani masalah tersebut? (12 markah)
- S4 Sebagai seorang penceramah program pembangunan staf bertajuk 'Kajian Tindakan', anda diminta menyediakan satu kertas kerja terperinci yang menggambarkan satu penyelesaian kes pembelajaran menggunakan kaedah Kajian Tindakan bermula dari pengenalan, proses hinggalah ke peringkat melaporkan. Mulakan kertas kerja anda dengan ayat berikut.....**Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk.....** (20 markah)

- S5 “Sekolah Tinggi Abong di daerah Muar Johor mengalami kemerosoton sebanyak 13.5% pencapaian dalam mata pelajaran matematik tambahan di peringkat SPM 2007. Dengan kes tersebut anda dipilih sebagai ketua untuk membuat kajian bertujuan mengatasi masalah tersebut.”
- a) Berdasarkan kes dari pernyataan diatas, adakah ia memerlukan satu kajian?. Jelaskan. (8 markah)
- b) Sebagai seorang penyelidik yang berpengalaman, anda bercanggah pendapat dengan pengetua sekolah mengenai pernyataan di atas. Anda tidak bersetuju dengan pengetua yang mengatakan bahawa tidak perlu buat kajian, cukup sekadar menambah waktu kelas tambahan, menambah latihan dalam kelas, menambah ceramah motivasi merentasi subjek dan menghantar guru berkursus. Dalam suasana demikian apakah tindakan anda bagi menyelesaikan masalah seperti dalam pernyataan kes tersebut? (12 markah)
- S6 a) Senaraikan 4 jenis instrumen yang biasa digunakan dalam Kajian Tindakan. (4 markah)
- b) Dengan memberikan satu contoh kes yang jelas, pilih dan padankan instrumen yang sesuai untuk tujuan data dikumpul tepat seperti kehendak objektifnya. (8 markah)
- (c) Berdasarkan kepada soalan S5(b), jelaskan apakah halangan dan cabaran yang biasa didapati semasa proses pengumpulan data dijalankan. (8 markah)
- S7 “Maklumat mengenai kehadiran kelas tambahan bagi matapelajaran sejarah pelajar tingkatan 5 yang akan mengambil peperiksaan SPM Sekolah Menengah Sains Air Hitam didapati kurang daripada 60% pada sesi 2008.”
- a) Daripada pernyataan di atas apakah jenis kajian yang paling sesuai dilaksanakan dan jelaskan mengapa anda memilihnya? (8 markah)
- b) Buat satu laporan lengkap kepada pihak berwajib mengenai hasil yang diperolehi daripada kajian anda. (12 markah)

S8. Pada pendapat anda apakah akan berlaku apabila:

- a. Sampel yang digunakan dalam kajian anda tidak tepat. (6 markah)
- b. Pengkaji hanya terdiri daripada seorang pegawai pendidikan sahaja. (6 markah)
- c. Salah seorang pengkaji adalah terdiri daripada pegawai luar bidang pendidikan. (8 markah)